

DIALOG NABI IBRAHIM DALAM SURAH AL-BAQARAH AYAT 258: ANALISIS PENDEKATAN DAKWAH

Norafidah binti Gordani¹

Abstrak

Al-Quran dan Hadis Nabi SAW telah membuktikan bahawa pendekatan dialog merupakan antara pendekatan dakwah yang paling efektif yang dilakukan oleh para nabi dan rasul. Nabi Ibrahim merupakan antara rasul Ulu al-Azmi yang berhadapan dengan pelbagai latar belakang sasaran dakwah iaitu ayahnya yang kafir, kaumnya yang tidak beriman serta Raja Namrud yang zalim. Dengan demikian, artikel ini akan membincangkan pendekatan dakwah Nabi Ibrahim ketika berhadapan dengan Raja Namrud yang zalim agar pendekatan ini dapat dijadikan panduan buat para pendakwah hari ini untuk berdepan dengan pemimpin yang zalim dan memusuhi Islam. Metodologi kajian ini menggunakan kajian kualitatif iaitu dengan menganalisis ayat al-Quran dari Surah al-Baqarah ayat 258 menggunakan analisis tafsir maudhūf atau tematik. Pada akhir kajian ini sebuah konsep pendekatan dakwah melalui dialog Nabi Ibrahim akan dibina sebagai panduan para pendakwah.

Kata Kunci: *Dialog, Nabi Ibrahim, Dakwah, Al-Baqarah*

¹ Calon Ijazah Doktor Falsafah Usuluddin, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

PENDAHULUAN

Secara umumnya, dialog merupakan satu elemen komunikasi dan medium interaksi yang melibatkan pertemuan dan perbincangan mengenai sesuatu isu yang menimbulkan perbezaan pendapat, kesangsian dan kesalahfahaman di antara pelbagai masyarakat yang tinggal bersama. Dialog juga merupakan satu disiplin ilmu yang sangat luas dengan tujuan utamanya meleraikan salah faham dan konflik berpunca dari pegangan dan kepercayaan yang berbeza.²

Manakala, dari perspektif al-Quran, konsep dialog adalah sebagai salah satu cara berfikir dan mencapai kebenaran. Dialog dalam al-Quran boleh berlaku dalam dua keadaan iaitu sehala dan dua hala. Konsep dialog dalam al-Quran juga berperanan sebagai elemen dakwah, iaitu mengajak manusia kepada ajaran Islam, menjelaskan kebatilan ajaran penganut agama lain, menolak keraguan penganut

² Rahimin Affandi Abd. Rahim, Mohd Anuar Ramli, Paizah Ismail & Nor Hayati Mohd Dahlal (2011), *Dialog Antara Agama: Realiti Dan Prospek Di Malaysia*, Kajian Malaysia, Penerbit: Universiti Sains Malaysia (USM), Vol. 29, No.2, hlm 91.

Rujuk juga Azarudin Awang & Khadijah Mohd Khambali@Hambali (2013), *Kajian Literatur: Dialog Agama Perkongsian Aktiviti Dalam Kalangan Masyarakat Awam Di Malaysia*, ESTEEM Academic Journal: Vol. 9. No. 2, hlm 40–41.

Rujuk juga Khadijah Mohd Khambali @ Hambali (2013), *Rahmah Li Al-*ā*lamin: Dakwah Dalam Masyarakat Majmuk Di Malaysia (Panduan Dialog Antara Agama Dalam Konteks Fiqh Al-Ta'ayusy)*, Jurnal TAFHIM, IKIM Journal of Islam and The Contemporary World. Vol.6, hlm 56.

agama lain terhadap Islam, meneguhkan pendirian orang Mukmin dan menonjolkan keindahan syariat Islam.³

DIALOG DARI PERSPEKTIF AL-QURAN

Perkataan dialog dalam al-Quran merujuk kepada perkataan bahasa Arab الحوار yang telah didefinisikan dengan beberapa maksud mengikut kata dasar perkataan tersebut:

1. Frasa الحوار diambil daripada kata dasar حار yang bermaksud kembali semula atau kembali kepada (رجع إلى أو في شيء) atau menjawab atau membalas percakapan (الجواب، رده) atau berdebat tentang sesuatu perkara (جادل).⁴ Ibnu Manzūr⁵ mendefinisikan الحوار yang bermaksud kembali semula atau kembali (الرجوع عن الشيء وإلى الشيء), namun merujuk kepada

³ Muhamad Faisal Ashaari, Azimah Misrom & Rosmawati Mohamad Rasit (2017), *Pelaksanaan Tugas Dialog Tentang Islam Menerusi Facebook Dalam Kursus "Teknologi Maklumat Dakwah"*, Journal of Islamic Social Sciences and Humanities, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Vol. 11, hlm 99.

⁴ Ibrāhīm Mustafā et al (1972), *al-Murjām al-Wasīṭ*, Istanbul: Darul Dakwah, hlm 205.

⁵ Ibnu Manzūr (t.t), *Lisān al-ʿArab*, Kāherah: Dār al-Maʿārif, hlm 1042.

الكلمة الأساسية الحوار.

2. Frasa الحوار yang diambil daripada kata dasar الحوار merujuk kepada maksud mengulang-ulang secara fizikal atau dengan akal fikiran (التردد إما بالذات أو بالفكر).⁶ Firman Allah SWT:

إنه ظن أن لن يحور ﴿١٤﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya ia menyangka bahawa ia tidak sekali-kali akan kembali (kepada Kami untuk menerima balasan)!”

Surah al-Insyiqaq, 84:14

3. Frasa الحوار yang diambil daripada kata dasar حوار membawa bermaksud iaitu dialog yang berlaku di antara dua orang atau lebih yang membincangkan sesuatu isu atau perkara (جدل يدور بين اثنين أو أكثر في موضوعات معينة).⁷ Manakala, Al-Aṣfahānī⁸ turut mendefinisikan perkataan الحوار yang

⁶ Al-Rāghib Al-Aṣfahānī, Al-Husayn Bin Muhammad (2006), *Al-Mufradāt Fī Al-Faz Al-Qurʿān*, Dimasyq: Dār Al-Qalam, hlm 262.

⁷ Ahmad Mukhtār ʿUmar (2008), *Murjam Al-Lughah Al-ʿArabiah Al-Murāṣarah*, Kaherah: ʿAlimu Al-Kitāb, hlm 579.

⁸ Al-Rāghib Al-Aṣfahānī, Al-Husayn Bin Muhammad (2006), *Al-Mufradāt Fī Al-Faz Al-Qurʿān*, Dimasyq: Dār Al-Qalam, hlm 262.

diambil daripada kata dasar حاور namun dengan maksud berlakunya soal jawab atau perbincangan (المرادة في الكلام).

Ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَاللَّهُ يَسْمَعُ تَحَاوُرَكُمْ إِذْ اللَّهُ سَمِيعٌ بَصِيرٌ ﴿١﴾

Maksudnya: “Sedang Allah sedia mendengar perbincangan kamu berdua. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.”

Surah al-Mujadalah, 58:1

Berdasarkan kepada definisi-definisi الحوار yang dikemukakan, frasa الحوار sama ada diambil dari kata dasar حار atau الحور atau حاور membawa maksud kembali semula atau kembali kepada sesuatu. Frasa الحوار turut membawa maksud dialog yang berlaku di antara dua orang atau lebih, yang membincangkan sesuatu isu atau perkara atau dengan maksud menjawab dan membalas percakapan.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan metode tafsir tematik yang dikemukakan Mustafā Muṣlīm.⁹ Langkah-langkah dalam

⁹ Muṣlīm, Mustafā (2000), *Mabāhith fī al-Tafsīr al-Maudhū‘ī*, Dimasyq: Dār Al-Qalam, hlm 37-38.

penafsiran al-Quran dengan tafsir tematik adalah seperti berikut;

1. Menentukan tajuk atau tema berdasarkan ruang lingkup perbincangan ayat-ayat Al-Quran.
2. Mengumpulkan ayat-ayat Al-Quran pada tema yang memiliki persamaan.
3. Mengklasifikasikan turutan surah atau ayat berdasarkan turutan penurunan sama ada ayat-ayat tersebut *Makkīyah* atau *Madanīyyah*.
4. Melakukan pengkajian berdasarkan metode tafsir *tahlīlī* iaitu dengan menjelaskan *asbāb al-nuzūl* (jika ada), penjelasan mengenai hubungan atau keterikatan antara kalimah dengan kalimah, lafaz dengan lafaz, surah dengan surah bertujuan mendapatkan kefahaman yang lebih mendalam dan mengharmonikan antara ayat dan surah dalam al-Quran seperti sebuah binaan yang kukuh¹⁰ dan penjelasan umum kosa kata yang berkait dengan *I'rab* ayat, balaghah dan seumpamanya.
5. Meneliti secara mendalam unsur-unsur dalam tema yang telah ditentukan.
6. Meneliti tema ayat dengan skop lebih besar, bukan sekadar menganalisis dari aspek *lughawī* semata-mata, bahkan memahami perkara-perkara lain yang terkait dengan ayat-ayat tersebut termasuklah mengambil kira hadis Nabi SAW dan pendapat para sahabat tentang sesuatu ayat.

¹⁰ Al-Qattān, Manna^c Khalil (2000), *Mabahis Fī 'Ulūm Al-Qur'ān*, Kaherah: Maktabah Al-Wahbah, hlm 70-71.

7. Peneliti harus konsisten dengan prosedur-prosedur kajian tafsir tematik yang telah ditentukan.

ANALISIS DIALOG NABI IBRAHIM

Nabi Ibrahim merupakan contoh teladan buat sekalian manusia, sebagaimana firman Allah SWT;

قد كانت لكم أسوة حسنة في إبراهيم ﷺ

Maksudnya:

“Sesungguhnya adalah bagi kamu pada bawaan Nabi Ibrahim (a.s) dan pengikut-pengikutnya adalah contoh ikutan yang baik”

Surah al-Mumtahanah, 60:4

Ayat ini memperihalkan bahawa agama Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW ini merupakan agama “*Hanīfan Musliman*” yang pernah dibawa oleh Nabi Ibrahim. Nabi Ibrahim telah melalui pelbagai rintangan serta ujian dalam memperjuangkan agama suci ini, namun akidahnya tetap teguh dan pendiriannya tetap utuh. Akidah yang diperjuangkan oleh para nabi dan rasul ini merupakan pegangan utama umat Islam dan tidak akan berubah meskipun wujudnya perbezaan syariat di antara satu sama lain.¹¹

¹¹ HAMKA (1990), *Tafsir Al-Azhar*, Singapore: Pustaka Nasional Pte. Ltd, Jilid 9, hlm 7295.

Walaupun ayah Nabi Ibrahim tidak menerima agama yang benar dan mati dalam keadaan kufur kepada Allah SWT, namun Allah telah mengangkat darjat dan kedudukan Nabi Ibrahim dengan peribadi yang unggul dan sebagai *'Abb al-Anbiyā'*. Selain digelar sebagai Rasul *ulū al-^cAzmi*, akhlak, etika dan keperibadian Nabi Ibrahim harus dijadikan tauladan kepada setiap Muslim agar terus berhikmah dan sabar dalam pelbagai ujian kehidupan.¹²

Dialog antara Nabi Ibrahim dan Raja Namrud diabadikan dalam Surah Al-Baqarah ayat 258, firman Allah SWT;

ألم تر إلى الذي حاج إبراهيم في ربه أن آتاه الله الملك إذ قال إبراهيم
ربي الذي يحيي ويميت قال أنا أحيي وأميت قال إبراهيم فإن الله يأتي
بالشمس من المشرق فأت بها من المغرب فبهت الذي كفر والله
لا يهدي القوم الظالمين ﴿٢٥٨﴾

Maksudnya:

“Tidakkah engkau (pelik) memikirkan (wahi Muhammad) tentang orang yang berhujah membantah Nabi Ibrahim (dengan sombongnya) mengenai Tuhannya, kerana Allah memberikan orang itu kuasa pemerintahan? Ketika Nabi Ibrahim berkata: "Tuhanku

¹² Muhd. Najib Abdul Kadir, Mabruhi Mohammad Sai & Latifah Abdul Majid (2013), *Metodologi Dakwah kepada Ibu Bapa Bukan Muslim Berdasarkan Kisah Nabi Ibrahim AS*, Jurnal ISLAMIYYAT, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 35(2), hlm 57.

Rujuk juga Rohaily @ Abd Rahman Abd Hamid & Nor Raudah Hj. Siren (2018), *Manhaj Dakwah Nabi Ibrahim a.s. Menurut al-Quran dan Aplikasinya dalam Dakwah Masa Kini*, Jurnal Usuluddin, Universiti Malaya, Volume 46 (1), hlm 25.

ialah Yang menghidupkan dan Yang mematikan". Ia menjawab: "Aku juga boleh menghidupkan dan mematikan". Nabi Ibrahim berkata lagi: "Sesungguhnya Allah menerbitkan matahari dari timur, oleh itu terbitkanlah dia dari barat?" Maka tercenganglah orang yang kafir itu (lalu diam membisu). Dan (ingatlah), Allah tidak akan memberikan petunjuk kepada kaum yang zalim."

Surah al-Baqarah, 2:258

Orang yang berdebat dengan Nabi Ibrahim tentang Tuhannya dalam ayat ini adalah Raja Babil iaitu Namrūz Ibnu Kanʿān Ibnu Kaūsy Ibnu Sām Ibnu Nūh.¹³

Analisis Makna Ayat:

1. Keindahan hujah Nabi Ibrahim ini dapat dilihat apabila Baginda mengaitkan hakikat kekuasaan Allah SWT iaitu antara hidup dan mati dengan pergerakan matahari.¹⁴ Pergerakan roh dengan pergerakan matahari mempunyai perkaitan antara satu sama lain, kerana apabila matahari terbenam, roh akan keluar dari

¹³ Al-Qurtūbī, Abī ʿAbd Allāh Muhammad bin Ahmād Al-Ansārī (2006), *Al-Jāmiʿ li Ahkām Al-Qurʿān*. ʿAbd Allah bin ʿAbd al-Muhsin Al-Tarkī (ed.), Beirut: Muʿassasah al-Risālah, jilid.4, hlm 287.

Rujuk juga Ibnu Kathīr, Abī Al-Fidaʾ Ismāʿīl (2000), *Tafsīr Al-Qurʿān Al-ʿAzīm*, jilid 1, hlm 686.

¹⁴ Al-Rāzī, Fakhr Al-Dīn (1981), *Tafsīr Al-Kabīr Maʾānīh Al-Ghayīb*, Beirut: Dār Al-Fikr, jilid 7, hlm 24.

jasad, dan apabila matahari terbit, roh akan masuk semula ke dalam jasad.¹⁵ Manusia akan mengalami “kehidupan” semula selepas “mati” ketika tidur.¹⁶ Nabi Ibrahim dalam hujahnya ini seolah mencabar Raja Namrud sekiranya beliau mampu menukarkan fenomena alam, iaitu menjadikan matahari terbit dari barat, dengan maksud mengubah fenomena kehidupan dan kematian manusia.

2. Lafaz *بمّ* membawa maksud tiga perkara yang berlaku secara spontan, iaitu Raja Namrud merasa terkejut dengan apa yang berlaku, tidak tahu bagaimana untuk bertindak balas dan mengaku kalah.¹⁷
3. Lafaz *لا يهدي القوم الظالمين* bermaksud Allah SWT tidak akan memberikan mereka jalan menuju syurga pada hari kiamat nanti.¹⁸ Allah SWT menggunakan lafaz *الظالمين* yang bermaksud orang zalim kerana zalim merujuk kepada seseorang yang tidak

¹⁵ Al-Biqā'ī, Burhan Al-Din ʿUmar (1995), *Naẓm al-Durar Fī Tanaʿsub al-Ayat Wa Suwar*, Beirut: Dār Al-Kutub al-Ilmīyah, hlm 51.

¹⁶ Syaari Ab Rahman (2020), *Di Bawah Lembayung Kisah-Kisah Al-Quran*, Selangor: Paradigma Ibrah Sdn.Bhd, jilid 4, hlm 28.

¹⁷ Al-Syaʿrawī, Muhammad Mutawallī (1997), *Tafsīr Al-Syʿarawī: Al-Khawāṭir, Maṭābiʿ Akhbār Al-Yaum*, hlm 1129.

¹⁸ Al-Alūsī, Al-Baghdādī (1932), *Tafsīr Rūh Al-Maʿāni*. (Cet.4), Beirut: Dār Al-Ihyāʾ Al-Turāth Al-ʿArabī, jilid 3, hlm 16-17.

meletakkan akal pada tempatnya. Inilah yang berlaku kepada Raja Namrud dan orang yang kafir, mereka telah dikurniakan Allah SWT akal untuk berfikir kekuasaan Allah SWT seperti kejadian siang dan malam, hidup dan mati, namun mereka memilih untuk tidak menggunakan akal tersebut untuk berfikir.¹⁹ Namun berbeza dengan pendapat Rasyīd Ridhā²⁰, bahawa الظلمين yang dimaksudkan dalam ayat ini adalah الظلم merujuk kepada maksud kegelapan iaitu seseorang yang tidak dikurniakan Allah SWT cahaya hidayah dan akan terus kekal berada dalam kesesatan. Pada asasnya, kedua-dua pendapat ini ada persamaannya iaitu orang yang zalim ini seseorang yang tidak menggunakan akal untuk berfikir dan menyebabkan Allah SWT menutup pintu hidayah buat mereka.

Analisis Lughawī:

1. Lafaz حاج dalam percakapan orang Arab merujuk kepada makna berhujah dengan bukti dan keterangan yang benar. Akan tetapi, peliknya lafaz حاج dalam ayat ini membawa maksud

¹⁹ Al-Biqā'i, Burhan al-Din 'Umar (1995), *Naẓm Al-Durar Fī Tanāsub Al-Āyāt Wa Suwar*, Beirut: Dār Al-Kutub al-Ilmīyyah, jilid 4, hlm 53.

²⁰ Muhammad Rasyīd Ridhā (1947), *Tafsīr Al-Manār*. Kaherah: Dār al-Manār, jilid 3 hlm 47.

الخصام بباطل perdebatan yang batil, dan lafaz ini juga terdapat pada banyak ayat al-Quran kebiasaannya digunakan merujuk kepada perdebatan yang batil sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Gafir ayat 47, Surah Sad ayat 64, Surah al-An'am ayat 80, Surah Ali-'Imran ayat 20 dan beberapa ayat lagi.²¹

2. Lafaz إذ قال إبراهيم kepada حاج ظرف bermaksud Nabi Ibrahim dahulu yang memulakan dakwah kepada mentauhidkan Allah SWT, Nabi Ibrahim memulakan seruan dakwah dengan menyatakan bahawa “Tuhanku Yang Menghidupkan dan Yang Mematikan” kerana secara umumnya dan logik akal nya, kita mengetahui bahawa tidak mungkin ada manusia yang dapat menghidupkan dan mematikan.²² Pada ayat ini menunjukkan keberanian serta tingginya keimanan Nabi Ibrahim, juga kebijaksanaan baginda dalam menyampaikan hujah.
3. Lafaz دهش وتحير، وقد بهته dalam ayat ini membawa maksud iaitu terdiam kerana terkejut, bingung, dan menandakan

²¹ Ibnu ʿAsyūr, Sheikh Muhammad Ṭāhir (1984), *Tafsīr al-Tahūr wa al-Tanwīr*, Tunisia: Dār al-Tūnisia Lil Nasr, jilid 3, hlm 32.

²² Ibnu ʿAsyūr, Sheikh Muhammad Ṭāhir (1984). *Tafsīr al-Tahūr wa al-Tanwīr*, Tunisia: Dār al-Tūnisia Lil Nasr, jilid 3, hlm 33.

kekalahan.²³ Ini merupakan isyarat bahawa Raja Namrud tidak dapat menyangkal hujah Nabi Ibrahim tentang kekuasaan Allah SWT.

Analisis Munasabah Ayat:

1. Surah al-Baqarah merupakan surah yang diturunkan di Madinah ketika Nabi Muhammad SAW berada di fasa pertama (antara tahun 1-5 hijrah), iaitu di fasa Nabi Muhammad SAW dan para sahabat membina Madinah sebagai kekuatan Islam. Ia turut disimbolikan dengan kemenangan umat Islam dalam Peperangan Badar pada tahun kedua hijrah dan Peperangan Khandak pada tahun kelima hijrah. Pada fasa ini juga, Rasulullah SAW sering mengulang-ulang ayat-ayat dari surah Makkiyah untuk memperteguhkan keimanan kaum muslimin yang ketika itu menjadi golongan majoriti di Madinah. Pada masa yang sama, golongan Musyrikin Quraisy di Mekah tidak henti-henti merancang konspirasi untuk menjatuhkan kerajaan Islam pimpinan Rasulullah SAW dengan bantuan kaum Yahudi dan Munafik dalam Madinah.²⁴ Ayat 258 hingga 260 dari Surah al-Baqarah ini berada dalam satu tema yang sama iaitu tentang

²³ al-Rāghib Al-Aṣṣḥānī, Al-Husayn Bin Muhammad (2006), *Al-Mufradāt Fī Al-Faz Al-Qurʿān*, Dimasyq: Dār Al-Qalam, hlm 148.

²⁴ Al-Maydānī, ʿAbd Rahmān Hasan Habannakah (2000), *Māʿrīj al-Tadabbur Wa Daqāiq al-Tafakkur*. Dimashq: Dār Qalam, jilid 15, hlm 405-406.

perjalanan kehidupan dan kematian dan hakikat kehidupan dan kematian.²⁵


2. Kisah Nabi Ibrahim disusun bersesuaian dengan cabaran semasa yang dihadapi Nabi Muhammad SAW. Surah al-Baqarah adalah surah ke-87 mengikut susunan penurunan al-Quran yang mana pada masa itu, Allah SWT ingin menjelaskan kedudukan bumi Mekah dan kedudukan Rasulullah SAW yang merupakan keturunan Ismail bin Ibrahim khusus kepada orang Yahudi di Madinah yang masih tidak dapat menerima kerasulan Baginda SAW.²⁶
3. Berdasarkan munasabat surah dengan sirah Nabi SAW yang telah dikemukakan, ini telah memberikan gambaran jelas buat kita, bahawa kisah Nabi Ibrahim berhujah dengan Raja Namrud sebagai penguat semangat kepada Nabi SAW untuk berdakwah kepada orang Yahudi di Madinah. Hujah-hujah yang dilontarkan oleh Nabi Ibrahim untuk mematahkan hujah Raja Namrud juga merupakan manifestasi keteguhan akidah Nabi Ibrahim, sebagai meneguhkan keimanan kaum muslimin yang menyokong Nabi Muhammad SAW di Madinah ketika itu.

²⁵ Sayyīd Qutb, Ibrāhīm Husayn al-Shaʿrabi, (2003), *Fī Zilāl al-Qurʿān*, Kāherah: Dār al-Syurūq, jilid 1, hlm 296.

²⁶ ʿAbbās, Faḍl Hassan, (2010), *Qasas Al-Qurʿān al-Kaīm Sidq Hadathin Wa Sumūw Hadafin Irbāf Hissin Wa Tahzīb Nafsin*, ʿAmman: Dār al-Nafāis, hlm 332-333.

HASIL KAJIAN

Berdasarkan analisis menggunakan metode tafsir tematik kepada dialog Nabi Ibrahim dan Raja Namrud ini, pengkaji telah membina sebuah konsep pendekatan dakwah kepada pemimpin yang dapat dijelaskan dalam gambar rajah berikut:



Gambarajah 1.0: Konsep Pendekatan dakwah kepada Pemimpin

Pendekatan dialog Nabi Ibrahim ini merupakan pendekatan yang sesuai digunakan apabila berhadapan dengan seorang pemimpin yang zalim serta memusuhi Islam. Menerusi gambar rajah konsep di atas, antara garis panduan dialog Nabi Ibrahim terhadap pemimpin yang memusuhi Islam adalah:

1. Memfokuskan isu akidah yang ingin dibawa dengan menyatakan kekuasaan Allah SWT:

Sekiranya kita memerhatikan permulaan dialog sehingga penutup dialog Nabi Ibrahim dan Raja Namrud ini, kita dapati bahawa fokus dakwah Nabi Ibrahim adalah memperbetulkan akidah Raja Namrud, iaitu dengan cara menyatakan kekuasaan Allah SWT yang tidak adaandingannya ini. Nabi Ibrahim sekaligus cuba menanamkan keyakinan bahawa setinggi apa pun kuasa seseorang pemimpin itu, tidak akan mampu menyamai besarnya kuasa Allah SWT yang dapat menghidupkan dan mematikan manusia, atau menjadikan matahari terbit dari timur.

2. Mengutarakan hujah-hujah yang bijaksana tanpa memainkan isu-isu peribadi yang hanya mengeruhkan keadaan:

Sekiranya kita perhatikan dalam dialog ini, Nabi Ibrahim memberikan hujah dan membalas hujah dengan rasional dan tenang. Ini dapat dilihat apabila Raja Namrud cuba bermain dengan provokasi dengan menyatakan bahawa dia juga mampu menghidupkan dan mematikan manusia, seolah-olah dengan maksud mencabar hujah Nabi Ibrahim. Namun, Nabi Ibrahim bersikap tenang dan melontarkan hujah balas dengan menyatakan kekuasaan Allah SWT yang lebih hebat lagi. Tindakan Nabi Ibrahim ini juga merupakan manifestasi penghormatan Nabi Ibrahim sebagai seorang rakyat biasa

kepada Raja Namrud yang merupakan seorang pemimpin negara yang dihormati pada ketika itu.

Sebagaimana yang berlaku akhir-akhir ini di negara kita, apabila sebahagian masyarakat tidak berpuas hati dengan pendapat atau pemerintahan pimpinan-pimpinan negara, suasana ini akan dikeruhkan dengan sebahagian pihak tertentu mula memainkan isu-isu peribadi sehingga menjatuhkan maruah para pemimpin dan hilangnya rasa hormat rakyat kepada pemimpin tersebut. Dalam konteks dakwah, apabila berlakunya perselisihan dalam perkara-perkara keilmuan, akidah dan seumpamanya, ia hendaklah diselesaikan dan diperdebatkan dengan cara berilmu dan tidak menyentuh mana-mana isu sensitif dan bersifat peribadi yang akhirnya hanya menyebabkan perselisihan tersebut menjadi lebih parah dan mengakibatkan permusuhan yang berpanjangan.

3. Mengajukan soalan-soalan agar mereka berfikir dan tidak dapat membalas hujah:

Sekiranya kita perhatikan dalam dialog ini, Nabi Ibrahim menggunakan kaedah soal jawab dengan maksud meminta jawapan dan untuk mengajak Raja Namrud berfikir. Apabila Raja Namrud menjawab dengan hujahnya, lalu Nabi Ibrahim menyebutkan pula kekuasaan Allah SWT yang tidak dapat ditandingi sesiapa pun sehingga menyebabkan Raja Namrud tidak dapat membalas hujah tersebut. Kisah

Nabi Ibrahim ini telah membuktikan bahawa perlunya seorang pendakwah memiliki ilmu pengetahuan yang luas, mampu berhujah dengan bijak serta memiliki kemahiran komunikasi yang baik. Ia merupakan daya tarikan dan pesona seorang pendakwah untuk menarik sasaran dakwah mengenali agama Islam.

4. Mengekalkan suasana dialog dalam keadaan harmoni:

Sekiranya kita perhatikan dalam dialog Nabi Ibrahim dan Raja Namrud ini bermula dari awal sehingga ke akhir dialog, Nabi Ibrahim mengekalkan suasana dialog dalam keadaan harmoni tanpa wujudnya ketegangan. Ini kerana, Nabi Ibrahim sentiasa menjaga dan membatasi adab sebagai seorang rakyat dengan seorang pemimpin negara. Nabi Ibrahim meskipun seorang Nabi, tetapi baginda tetap memuliakan Raja Namrud sebagai seorang pemimpin yang berkuasa.

IMPLIKASI KAJIAN

Berdasarkan inti pati dan hasil analisis kajian ini, pengkaji melihat bahawa konsep pendekatan dialog Nabi Ibrahim yang dibina ini wajar dijadikan panduan asas kepada para pendakwah khususnya dalam mendepani pemerintah atau pemimpin yang memusuhi Islam. Islam sebagai sebuah agama yang mencintai perdamaian, sentiasa menganjurkan perdamaian melalui dialog dan inilah yang telah

dilakukan oleh para nabi dan rasul utusan Allah SWT. Pendakwah hanya perlu fokus kepada inti pati dan hujah yang ingin disampaikan tanpa perlu menggunakan provokasi atau menggunakan isu yang tidak berkaitan seperti merendahkan kualifikasi pendidikan seseorang atau perkara-perkara bersifat peribadi. Oleh itu, setiap pendakwah seharusnya dapat mengekalkan dan mempamerkan akhlak terbaik apabila berlakunya aktiviti dialog antara agama atau provokasi-provokasi yang cuba menghina agama Islam. Diharapkan agar impak kajian ini sedikit sebanyak membantu memberikan panduan buat para pendakwah di Malaysia, institusi-institusi dan badan-badan dakwah serta individu-individu yang terlibat secara langsung dalam gerak kerja dakwah.

Bibliografi

- Ahmad Faizuddin Ramli & Jaffary Awang. 2018. Sejarah Dialog Antara Agama Di Malaysia. *Jurnal Hadhari*. 10 (2): Universiti Kebangsaan Malaysia. 169-190.
- Ahmad Mukhtār °Umar. 2008. *Mu°jam al-Lughah al-°Arabiah al-Mu°ā°arah*, Kaherah: °Alimu al-Kitāb.
- Al-Alūsī, Al-Baghdādī. 1932. *Tafsīr Rūh Al-Ma°āni*. Beirut: Dār Al-Ihyā' Al-Turāth Al-°Arabī.
- Al-Biqā°i, Burhan al-Din °Umar. 1995. *Na°m al-Durar Fī Tana°sub al-Ayat Wa Suwar*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Maydānī & °Abd Rahmān Hasan Habannakah. 2000. *Ma°ārij al-Tadabbur Wa Daqāiq al-Tafakkur*. Dimashq: Dār Qalam.
- Al-Qattān & Manna° Khalil. 2000. *Mabahis Fī °Ulūm Al-Qur°ān*. Kaherah: Maktabah Al-Wahbah.
- Al-Qurtūbī & Abī °Abd Allāh Muhammad bin Ahmād Al-Ansārī. 2006. *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur°ān*. °Abd Allah bin °Abd Al-Muhsin Al-Tarkī (ed.). 4. Beirut: Mu°assasah Al-Risālah.
- Al-Rāghib Al-A°fahāni & Al-Husayn Bin Muhammad. 2006. *Al-Mufradāt Fī Al-Fa° Al-Qur°ān*. Dimasyq: Dār Al-Qalam.
- Al-Rāzī & Fakhr Al-Dīn. 1981. *Tafsīr Al-Kabīr Mafātīh Al-Ghayib*. Beirut: Dār Al-Fikr.
- Al-Sya°rawī & Muhammad Mutawallī. 1997. *Tafsīr al-Sya°arawī: al-Khawātir*. Ma°ābi° Akhbār Al-Yaum.
- Al-Zarkasyī, Badru Al-Dīn Muhammad °Abd Allāh. 1972. *Al-Burhān fī °Ulūm al-Qur°ān*. Jilid 3. Beirut: Dār Al-Ma°rifah.
- Azarudin Awang & Khadijah Mohd Khambali@Hambali. 2013. Kajian Literatur: Dialog Agama Perkongsian Aktiviti Dalam Kalangan Masyarakat Awam Di Malaysia. *ESTEEM Academic Journal*. 9 (2). 39-53.
- °Abbās, Fa°l Hassan. 2010. *Qasas Al-Qur°ān Al-Karīm Sidq Hadathin Wa Sumūw Hada°fin Irhā° Hissin Wa Tahzīb Nafsin*, °Amman: Dār Al-Nafāis.

- Haji Abdul Malik Karim Amrullah. 1990. *Tafsir al-Azhar*. 9. Singapore: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Ibnu ʿAsyūr, Sheikh Muhammad Tāhir. 1984. *Tafsīr Al-Tahrīr Wa Al-Tanwīr*, Tunisia: Dār Al-Tūnisia Lil Nasyr.
- Ibnu Kathīr, Abī Al-Fida’ Ismāʿīl. 2000. *Tafsīr al-Qur’ān al-ʿAzīm*.
- Ibnu Manzūr. t.t. *Lisān al-ʿArab*. Kāherah: Dār al-Maʿārif.
- Ibrāhim Mustafā. 1972. *Al-Muʿjam Al-Wasīt*. 3. Istanbul: Darul Dakwah.
- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. 2013. Rahmah Li Al-ʿālamīn: Dakwah Dalam Masyarakat Majmuk Di Malaysia (Panduan Dialog Antara Agama Dalam Konteks Fiqh Al-Ta’ayusy). *Jurnal TAFHIM, IKIM Journal of Islam and The Contemporary World*. 6. 83-120.
- Muhamad Faisal Ashaari, Azimah Misrom & Rosmawati Mohamad Rasit. 2017. Pelaksanaan Tugas Dialog Tentang Islam Menerusi Facebook Dalam Kursus “Teknologi Maklumat Dakwah”. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*. 11: Universiti Sains Islam Malaysia. 95-108.
- Muhammad Rasyīd Ridhā. 1947. *Tafsīr Al-Manār*. Kaherah: Dār al-Manār.
- Muhd. Najib Abdul Kadir, Mabruri Mohammad Sai & Latifah Abdul Majid. 2013. Metodologi Dakwah kepada Ibu Bapa Bukan Muslim Berdasarkan Kisah Nabi Ibrahim AS. *Jurnal ISLAMIYYAT*. 35 (2): Universiti Kebangsaan Malaysia. 57 – 66.
- Muslim & Mustafā. 2000. *Mabāhith Fī Al Tafsīr al-Maudhūʿī*, Dimasyq: Dār Al-Qalam.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Mohd Anuar Ramli, Paizah Ismail & Nor Hayati Mohd Dahlal. 2011. Dialog Antara Agama: Realiti Dan Prospek Di Malaysia. *Jurnal Kajian Malaysia*. 29 (2): Universiti Sains Malaysia. 91–110.
- Rohaily @ Abd Rahman Abd Hamid & Nor Raudah Hj. Siren. 2018. Manhaj Dakwah Nabi Ibrahim a.s. Menurut al-Quran dan Aplikasinya dalam Dakwah Masa Kini. *Jurnal Usuluddin*. 46 (1): Universiti Malaya. 23-44.

- Sayyīd Qutb, Ibrāhīm Husayn Al-Shaʿrabi. 2003. *Fī Zilāl al-Qurʿān*. 1. Kāherah: Dār Al-Syurūq.
- Syaari Ab Rahman. 2020. *Di Bawah Lembayung Kisah-Kisah Al-Quran*. Selangor: Paradigma Ibrah Sdn.Bhd.